

Jadilah

umat

bersyukur!

: PM

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad mengajak setiap rakyat negara ini, terutama umat Islam, mewujudkan sebuah masyarakat yang bersyukur atas segala nikmat yang mereka kecap selama ini.

"Kita bersyukur kepada Allah di atas kesihatan yang dikurniakan kepada kita untuk menunaikan ibadat puasa selama sebulan; rezeki bagi menampung diri dan keluarga; negara aman dan damai, tidak ditimpa mala-petaka yang memusnahkan harta dan nyawa dan segala sesuatu yang kita nikmati setiap hari," kata Perdana Menteri dalam perutusan Hari Raya Aidilfitri menerusi RTM.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata nikmat yang dikurniakan Allah tidak terhitung banyaknya.

"Malangnya, kita bukan sahaja tidak cuba menghitungnya, tetapi kerap kali lupa sama sekali nikmat-nikmat itu," tambahnya.

Beliau berkata, perasaan syukur akan menjadikan setiap umat Islam insaf, bertaqwa dan kuat berpegang kepada lunas-lunas yang diredai Allah. Allah menjanjikan nikmat yang berlipat ganda kepada orang-orang yang bersyukur.

"Pada hari yang mulia ini, marilah kita bersama-sama bersyukur, bukan sahaja dengan takbir dan tahmid, tetapi mere-

KUALA LUMPUR, Rabu

nung sejenak pemberian Allah yang kita nikmati sepanjang masa," ujarnya.

Renungan seperti ini membolehkan setiap orang membandingkan dirinya dengan penduduk di negara-negara lain.

Beliau menjelaskan, beberapa buah negara dilanda mala-petaka seperti banjir, taufan, kemarau panjang, kebuluran, diserang penyakit ganjil dan sebagainya. Keadaan ini menyebabkan kehilangan harta benda, nyawa dan azab sengsara yang tidak terhingga. Ada juga masyarakat dilanda peperangan, sama ada dengan negara lain

atau saudara atau berhubung sesama sendiri.

"Betapa sedihnya mereka yang kehilangan suami, isteri, ibu bapa, anak-anak dan saudara mara, tanpa sebarang faedah. Dalam keadaan demikian, bukan sahaja mereka bersedih dengan kehilangan, kerosakan dan kecederaan, tetapi mereka tidak dapat menunaikan ibadat dengan tenteram dan khushyuk," ujarnya.

Sebaliknya, rakyat Malaysia sangat bertuah kerana tidak mengalami mala-petaka dan kezababan itu. Di negara ini, keluarga yang miskin sekalipun tidak mengalami kebuluran seperti di beberapa buah negara. Peluang untuk memperbaiki diri di segi rohani dan jasmani sentiasa terbuka.

"Anak petani hari ini, seorang menteri hari esok, seorang pelayan pejabat dua tiga dekad lalu, seorang jutawan sekarang ini, anak seorang daif hari ini, seorang imam ulung hari esok; dan seorang yang bermaruah dan menebalkan disiplin sepanjang waktu mungkin menjadi pemimpin esok lusa," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, rakyat tidak tertekan atau terkongkong dan hak asasi masing-masing terjamin